

Document:	Welcome Remarks by Tan Sri Abdul Wahid Omar Chairman of Bursa Malaysia
Event:	DOSM-Bursa Malaysia MoU Signing Ceremony
Date:	4 January 2023
Time:	10.00am - 11.00am (Speech Time: 10:30am - 10:40am)
Venue:	Listing Gallery

Bismillahirrahmanirrahim.

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia

Yang Berbahagia Datin Seri Rozita Talha, Timbalan Ketua Perangkawan Malaysia (Bahagian Ekonomi)

Pihak pengurusan kanan serta kakitangan Jabatan Perangkaan Malaysia atau Department of Statistics Malaysia (“DOSM”)

Yang Berbahagia Datuk Muhamad Umar Swift, Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia,

Para petugas media,

Hadirin yang dihormati sekalian,

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (“MOU”) di antara Jabatan Perangkaan Malaysia (“DOSM”) dan Bursa Malaysia** pada hari ini. Selamat datang kepada Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir, Datin Seri Rozita Talha, pihak pengurusan serta kakitangan DOSM ke Bursa Malaysia.
2. Untuk makluman semua, majlis MoU ini merupakan manifestasi peningkatan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, yang diterjemahkan melalui Perkongsian Pertukaran Data dalam usaha menambah nilai kepada pasaran modal domestik dan agenda pembangunan negara atau *“Nation Building”*.

3. Justeru, di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada pihak DOSM di atas kesudian untuk bekerjasama dalam penganjuran majlis ini. Semoga ikatan strategik ini menjadi titik tolak kepada kerjasama yang lebih kukuh antara kedua-dua pihak pada masa hadapan.

LANDSKAP PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DAN KEPERLUAN MOU UNTUK PASARAN MODAL DOMESTIK NEGARA

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Malaysia mengalami pertumbuhan ekonomi paling kukuh dalam sembilan bulan pertama pada tahun 2022 berbanding dengan negara Asia Tenggara yang lain, dengan purata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK sebanyak 9.3 peratus¹ berikutan pertumbuhan KDNK suku ketiga 2022 sebanyak 14.2 peratus², iaitu peningkatan daripada 8.9 peratus³ pada suku sebelumnya.
5. Ketahanan ekonomi Malaysia dalam menghadapi cabaran global semasa menawarkan potensi besar untuk menarik pelabur domestik dan asing ke pasaran modal domestik negara. Lantaran itu, penggalakkan lebih banyak penyertaan pelabur dalam pasaran modal domestik negara adalah perlu bagi memangkinkan pertumbuhan ekonomi dan menyokong pertumbuhan jangka panjang dan mampan negara.
6. Untuk menyokong matlamat ini, MoU yang akan dimeterai sebentar lagi akan membolehkan DOSM dan Bursa Malaysia memperoleh pemahaman yang lebih

¹ Source (MOF): <https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-release/third-quarter-2022-gdp-grew-by-14-2-percent-stronger-economic-performance-amid-global-challenges>

² Source (MOF): <https://www.mof.gov.my/portal/en/news/press-release/third-quarter-2022-gdp-grew-by-14-2-percent-stronger-economic-performance-amid-global-challenges>

³ Source (DOSM): https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/cthemByCat&cat=100&bul_id=VEdicVNYz1dkUIh1SHI2US9SMSs1Zz09&menu_id=TE5CRUZCblh4ZTZMODZlbnk2aWRRQT09

mendalam tentang keselarian yang wujud antara pelbagai data mikro dan makro-ekonomi serta data dalam pasaran modal domestik negara.

7. Data-data ini akan seterusnya digunakan bagi membantu Syarikat Tersenarai Awam atau *Public Listed Companies* (“PLC”) untuk membangunkan strategi perniagaan yang bermakna dan inovatif, sekaligus membolehkan pasaran modal domestik mencapai potensi perkembangannya.

INTIPATI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Kami amat berbangga kerana kerjasama ini bukan sahaja boleh memanfaatkan DOSM dan Bursa Malaysia, bahkan pihak lain seperti para peserta pasaran modal domestik secara umumnya.
9. Pertama sekali, kerjasama ini akan menggalakkan ketelusan dan kebertanggungjawaban data dalam kalangan agensi kerajaan, sekaligus memastikan integriti data kami terus terperlihara.
10. Yang kedua, melalui MoU ini, kami akan memanfaatkan set data kami untuk membina ekosistem data holistik dan inklusif yang boleh menyokong pelan pembangunan sosio-ekonomi Malaysia, disamping memudahkan peralihan ke arah pelbagai sumber data dan maklumat yang dapat menyediakan kemas kini dan analisis pantas.
11. Ketiga, kerjasama ini turut merangkumi perkongsian data berkualiti tinggi serta “*value-added data*” kepada khalayak ramai, serta berperanan menyumbang kepada pendidikan pelabur yang akan membolehkan pelabur runcit terutamanya membuat keputusan pelaburan yang lebih termaklum dan bermakna.
12. Selain daripada kelebihan-kelebihan yang disebutkan tadi, kerjasama ini antara lainnya, akan membolehkan DOSM dan Bursa Malaysia untuk mengenal pasti

dan mengejar peluang baharu untuk mencapai kepentingan bersama di samping mempercepatkan agenda pembangunan negara.

13. Bagi membuktikan perkara ini, salah satu contoh yang boleh diketengahkan ialah usaha berterusan kami dalam meningkatkan tahap kesedaran dan amalan terbaik ESG di Malaysia, sejajar dengan peningkatan pemerhatian global terhadap perkembangan ESG.
14. Dalam konteks ini, terdapat banyak data ESG PLC Bursa Malaysia yang boleh digunakan seiring dengan maklumat ekonomi daripada DOSM bagi tujuan mempromosi dan menggalakkan pendedahan yang lebih baik serta akses kepada modal melalui amalan terbaik ESG dalam kalangan korporat Malaysia.
15. Melalui perkongsian pangkalan data yang unik dan komprehensif, kerjasama ini secara keseluruhannya akan membolehkan Bursa Malaysia membangunkan produk dan perkhidmatan baharu kepada industri, serta menyokong dan mempercepat pematuhan agenda ESG dalam kalangan entiti perniagaan.

PENUTUP

Yang Berbahagia Dato' Sri dan Datin Seri, dan hadirin yang saya hormati sekalian,

16. Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman hari ini hanyalah permulaan kerjasama antara DOSM dan Bursa Malaysia, dan kami amat berbesar hati untuk menjadi rakan strategik DOSM.
17. Saya berharap agar memorandum kerjasama yang bakal termeterai nanti akan memberikan lembaran baharu kepada kedua-dua DOSM dan Bursa Malaysia untuk terus mencari peluang serta menambah nilai bukan sahaja untuk meningkatkan pertumbuhan dalam pasaran modal domestik dan ekonomi negara, bahkan menyumbang kepada pencapaian aspirasi "*Nation Building*".
18. Sekali lagi, saya mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Mohd Uzir, Datin Seri Rozita Talha serta wakil - wakil

dari DOSM yang hadir ke majlis ini dan di atas segala sumbangan tenaga dan masa bagi merealisasikan pembentukan MoU yang bakal dimeterai seketika nanti.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.